


Kos tunai haji, umrah dijangka meningkat ekoran kenaikan kadar visa Arab Saudi

# Malaysia belum terima notis

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN



**KUALA LUMPUR** – Kerajaan Malaysia dan agensi-agens pengendali umrah di negara ini masih belum menerima sebarang kenyataan rasmi berhubung kenaikan kadar baharu bayaran visa haji dan umrah daripada pihak Kedutaan Arab Saudi.



Pada bulan lalu, Kabinet Arab Saudi mengumumkan kadar baharu

bayaran visa sekali masuk berjumlah SR2,000 (RM2,148.47) kepada semua pelawat asing bagi kemasukan kali kedua berkuat kuasa 2 Oktober ini.

Kenaikan itu kelak akan menyebabkan rakyat Malaysia yang berhasrat untuk menunaikan ibadah tersebut buat kali kedua pada musim baharu bermula bulan depan akan menanggung kenaikan kos antara RM1,179 hingga RM1,767.

Ketika ini, pakej umrah yang ditawarkan antara RM5,190 hingga RM5,890 bagi pakej musim biasa dan antara RM6,090 hingga RM6,590 pada musim cuti persekolahan.

Pengarah Urusan Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd. (Adalusia), Ibrahim Mat Sin (**gambar kecil**) berkata, sebarang kenaikan kadar pakej umrah dan haji hanya akan diumumkan sekiranya pihak Kedutaan Arab Saudi di negara ini mengeluarkan pekililing berhubung penstrukturan semula kadar caj visa.

“Setakat ini, pihak Andalusia dan beberapa agensi pengendali pakej umrah yang lain belum lagi dipanggil ke Kedutaan Arab Saudi untuk berbincang mengenai perkara ini,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai notis kenaikan kadar visa haji dan umrah bertarikh 20 September lalu yang dipercayai dikeluarkan pihak Kedutaan Arab Saudi di Singapura seperti disebarkan di laman sosial.

Sementara itu, jurucakap Wisma Putra ketika dihubungi berkata, pihaknya belum menerima sebarang



SEBAHAGIAN jemaah haji Malaysia menaiki bas untuk perjalanan ke Arafah baru-baru ini. – Gambar hiasan.

**NOTICE**

PLEASE BE INFORMED THAT THE SAUDI ARABIA GOVERNMENT HAD IMPLEMENTED NEW VISA FEE STRUCTURE FOR ENTRY INTO SAUDI ARABIA EFFECTIVE FROM 01 MUHARRAM 1438H (02 OCTOBER 2016). THE NEWLY REVISED FEES ARE AS FOLLOWS:

- HAJI VISA: FIRST TIMER – FREE ONCE IN A LIFETIME** (WAIVED FOR FIRST TIMER HAJI PILGRIMS, ABSORB BY THE SAUDI GOVERNMENT); SUBSEQUENT ENTRY – SR2000
- UMRAH VISA: FIRST TIMER – FREE** (WITHIN 1-HURAH YEAR: 01 MUHARRAM TILL END D.HIJAH), ABSORB BY THE SAUDI GOVERNMENT); SUBSEQUENT ENTRY – SR2000.
- VISA (MULTIPLE ENTRY):**
  - Visa validity for 6 months – SR3000
  - Visa validity for 1-year – SR5000
  - Visa validity for 2-year – SR8000
- TRANSIT VISA – SR300**
- DEPARTURE FEES VIA SAUDI PORTS – SR50**
- RE-ENTRY VISA:**
  - SINGLE TRIP – MAXIMUM 2-MONTH VALIDITY – SR200** SUBSEQUENT FOR ADDITIONAL ONE MONTH (PROVIDED THE IQAMA STILL VALID) – SR100
  - MULTIPLE TRIPS – 3-MONTH VALIDITY – SR500** SUBSEQUENT FOR ADDITIONAL ONE MONTH (PROVIDED THE IQAMA STILL VALID) – SR200

20 SEP 2016

**NOTIS kenaikan kadar visa yang dipercayai dikeluarkan Kedutaan Arab Saudi di Singapura seperti yang tersebar di laman sosial.**

pekililing atau pengumuman rasmi daripada kerajaan Arab Saudi berhubung kenaikan kadar baharu visa negara tersebut.

“Walaupun ada tersebar di laman media sosial mengenai pekililing yang diterima oleh Singapura tentang arahan penguatkuasaan kadar baharu visa itu, Kementerian Luar belum menerima sebarang surat rasmi daripada Arab Saudi,” katanya.

**INFO Kadar bayaran visa**

**Struktur baharu bayaran visa ke Arab Saudi**

- Jemaah umrah, haji kali pertama percuma
- Jemaah umrah, haji kali kedua dan seterusnya SR2,000 (RM2,148.47)
- Kemasukan berulang bagi tempoh enam bulan SR3,000 (RM3,222.70)

*Kosmo*  
23/9/16  
ms 9

**Transit - SR300 (RM322.27)**

**Bayaran lama visa ke Arab Saudi**

- Jemaah umrah, haji kali pertama percuma
  - Jemaah umrah, haji kali kedua dan seterusnya hanya perlu membayar caj pengurusan syarikat antara RM200 ke RM250
  - Kemasukan berulang bagi tempoh enam bulan RM500
- Transit - Percuma**

**Kenaikan caj visa hak Arab Saudi**

# Caj visa: Malaysia perlu berbincang dengan Arab Saudi

**KUALA LUMPUR** – Jemaah haji dan umrah bagi kali kedua dan seterusnya bakal menanggung beban peningkatan kos mengerjakan ibadah tersebut sekiranya kerajaan Arab Saudi menaikkan kadar bayaran visa seperti yang dilaporkan sebelum ini.



Seorang peneroka, Hasim Morat (**gambar**), 61, berkata, beliau yang sering kali membawa keluarganya mengerjakan ibadah umrah setiap tahun terpaksa mengeluarkan lebih banyak perbelanjaan sekiranya kenaikan caj visa hingga RM2,148.47 (SR2,000) dilaksanakan kerajaan Arab Saudi.

“Sebelum ini, pakej umrah paling rendah RM5,200 dikenakan bagi seorang individu bagi tempoh 10 hingga 14 hari. Dengan kenaikan kadar visa itu, sudah tentu ia akan naik kepada RM7,348.47.

“Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan jemaah yang ingin mengerjakan haji dan umrah kali kedua dan seterusnya,” katanya yang juga seorang mutawif ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Tambah Hasim, pihaknya berharap, hubungan baik yang terjalin antara Malaysia dan Arab Saudi perlu dimanfaatkan untuk kedua-dua negara mencari jalan penyelesaian agar jemaah tidak akan terbebani dengan sebarang kenaikan caj visa.

Sementara itu, seorang penjawat awam, Ahmad Fahan Ab. Karim, 30, berkata, kenaikan caj visa hingga 300 peratus oleh kerajaan Arab Saudi itu terlalu mendadak dan membebankan golongan muda yang ingin menunaikan ibadah haji dan umrah kali kedua.

“Ramai generasi muda yang baru mendaftar dengan Lembaga Tabung Haji terpaksa menunggu giliran sehingga 40 tahun untuk melakukan ibadah haji. Jadi ada dalam kalangan mereka mengambil peluang menunaikan umrah terlebih dahulu,” jelasnya.